

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL
FATTAH ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA
AIDILFITRI ANGKASA PAHANG III
(BARAT) TAHUN 2023**

**16 MEI 2023 (SELASA)
2.00 PETANG
TINGKAT 2, BANGUNAN ANGKASA
PAHANG III (BARAT), BENTONG,
PAHANG**

Bismillahirrahmannirrahin

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Madani,

**(PROTOKOL SAPAAN DIBERI
SEWAKTU MAJLIS)**

1. Syukur kepada ALLAH S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNYA pada tahun ini iaitu 1444 Hijrah kita

semua dapat berkumpul untuk
meraikan bulan Syawal bulan
kemenangan umat Islam setelah
sebulan kita semua menjalankan
ibadah puasa.

2. Terima kasih diucapkan kepada
Pengerusi Jawatankuasa
Perhubungan ANGKASA Negeri

Pahang III (Barat), YBhg. Dato' Syed Ali Syed Mohammad yang telah mengatur majlis yang cukup bermakna dan meriah pada hari ini.

3. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada para hadirin sekalian, Tan Sri, Dato-Dato, Datin-Datin, rakan strategik dan para

pemimpin koperasi dan juga anggota koperasi yang sudi melapangkan masa hadir ke majlis pada hari ini.

4. Kehadiran Aidilfitri saban tahun amat dinanti-nantikan oleh umat Islam. Selain menziarahi ahli keluarga dan rakan taulan, ini juga

masa untuk kita semua warga koperator untuk mempererat hubungan dengan rakan koperasi melalui penganjuran majlis dan rumah terbuka yang diadakan.

**Hadirin dan Hadirat Yang Dihormati
Sekalian,**

5. Dalam menyambut kemeriahan Aidilfitri, tugas dan tanggungjawab kita sebagai pemimpin dan anggota koperasi harus tidak kita lupakan. Usaha memperkasa taraf kehidupan anggota melalui perniagaan berdaya maju harus diberi keutamaan dan diteruskan.

6. Sebagai badan puncak gerakan koperasi di Malaysia, ANGKASA terus bekerjasama dengan pihak kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan agensinya seperti SKM dan IKMa dalam menyediakan ruang dan peluang untuk koperasi bergerak dalam

kerancakan ekonomi pada masa kini.

7. Sehingga 31 Disember 2022, jumlah koperasi telah berkembang kepada 15,315, dengan keanggotaan seramai 7.3 juta individu, syer sebanyak RM16.98 Bilion, aset sebanyak RM159.6 Bilion

dan perolehan sebanyak RM45.5 Bilion.

8. Tahniah diucapkan kepada semua, kerana biarpun gerakan ini turut terkesan dengan pandemik COVID-19, namun atas dasar kerjasama utuh kita semua, gerakan koperasi tetap teguh

dalam menyumbang kepada peningkatan perolehan secara keseluruhan.

9. Saya yakin, melalui dasar dan strategi yang digariskan oleh kerajaan, kepimpinan dinamik pemimpin koperasi, sokongan tidak berbelah bahagi anggota koperasi,

kerjasama rapat ANGKASA dengan semua pemegang taruh, maka harapan untuk melihat perolehan RM100 Bilion menjelang 2030 tidak mustahil untuk dicapai.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

10. Saya tidak berhasrat untuk memanjangkan ucapan saya. Harapannya supaya majlis pada hari ini dapat mengeratkan lagi tali silaturrahim antara kita semua dan menjadi asbab lebih banyak kerjasama dapat dijalinkan antara koperasi.

11. Terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan majlis pada hari ini dan terima kasih juga kepada para hadirin yang saban kali menyokong usaha digerakkan oleh ANGKASA demi kemajuan berterusan gerakan koperasi.

12. Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf
Zahir dan Batin.

Sekian, terima kasih.

Wabillahittaufiq walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.